

KENYATAAN SEBUT HARGA
(Terbuka Kepada Pembekal Tempatan Bumiputera Sahaja)

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat yang berdaftar dengan PUKONSA di daerah **Kota Kinabalu** bagi menyertai sebut harga berikut.

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN
JCK.Q.27/2023	Perkhidmatan Kerja-Kerja Penyelenggaraan, Dewan Serbaguna Jabatan Cetak Kerajaan	Kelas F (Tajuk II) Kerja-kerja Bangunan (Tajuk VII) Elektrical Work

Butir-butir lanjut mengenai sebut harga dan borang penyertaan boleh diperolehi di Unit Perolehan, Jabatan Cetak Kerajaan dengan mengemukakan sijil asal PUKONSA dan sijil Pengesahan Bumiputera (Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri) bagi syarikat yang bertaraf Bumiputera. Setiap penyertaan akan dikenakan bayaran **RM15.00** sahaja.

Dokumen sebut harga yang telah dilengkapi berserta sesalinan sijil PUKONSA, Sijil Pengesahan Bumiputera (Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri) dan lain-lain yang berkaitan hendaklah dimasukkan dalam suatu sampul yang berlakri (catatkan tajuk dan No. sebut harga di sebelah kiri atas sampul surat) dan di alamatkan kepada:

**Setiausaha,
Jawatankuasa Sebut Harga,
Jabatan Cetak Kerajaan,
88554 KOTA KINABALU.**

Tarikh tutup sebut harga ialah pada **31 Oktober 2023** jam **10.00 pagi**. Penyertaan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

Jabatan Cetak Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

**Pencetak Kerajaan Sabah
Jabatan Cetak Kerajaan**